

SULIT
1103/1
Bahasa
Melayu
Kertas 1
Ogos/September
2010

1103/1



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Dua jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawab Soalan **Bahagian A** dan **satu** soalan daripada **Bahagian B.***
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

1103/1

©2007 Hak Cipta Bahagian Pendidikan & Latihan (Menengah) MARA

[Lihat halaman sebelah

SULIT

<http://edu.joshuatly.com/>
<http://www.joshuatly.com/>

1
1
0
3
1

Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan: 45 minit]

Gambar di bawah menunjukkan iklan penjualan rumah. Huraikan kriteria-kriteria yang menjadi pilihan pembeli untuk memiliki sesebuah rumah. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

KRITERIA RUMAH IDAMAN

TAMAN IMPIAN
Rumah idaman anda

Hak Milik Bebas

Kawalan Keselamatan

5 kilometer dari pusat bandar

**Fasa Baharu
Kini Dibuka
Dari RM 288,000.00
Mampu Milik**

**4 Bilik Tidur
Anjung 2 Kereta**

Bahagian B

[100 markah]

[Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **lebih daripada 350 patah perkataan**.

- 1** Usaha untuk merealisasikan budaya disiplin unggul di sekolah amat penting.

Jelaskan peranan anda dalam membantu pihak sekolah untuk mencapai hasrat tersebut.
- 2** Kejadian kanak-kanak dan remaja hilang daripada pangkuan keluarga semakin menjadi-jadi walaupun usaha-usaha telah diambil oleh pelbagai pihak untuk menanganinya.

Huraikan pendapat anda tentang punca-punca dan langkah-langkah untuk mengatasi masalah tersebut.
- 3** Industri pembuatan makanan halal ialah salah satu usaha kerajaan untuk memacu pertumbuhan ekonomi Malaysia. Sebagai pegawai di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, anda dijemput untuk menyampaikan ceramah bertajuk 'Kepentingan Industri Makanan Halal' kepada pengusaha-pengusaha makanan.

Sediakan teks ceramah anda selengkapnya.
- 4** Kemelesetan ekonomi dunia menjejaskan pembangunan di kebanyakan negara dalam pelbagai aspek.

Ulaskan pernyataan di atas.
- 5** Peribahasa 'Serumpun bagai serai, selubang bagai tebu' menggambarkan sikap bersatu hati dalam segala hal.

Bincangkan kelebihan-kelebihan mengamalkan sikap bermuafakat dalam hidup bermasyarakat.

KERTAS SOALAN TAMAT

SULIT
1103/2
Bahasa
Melayu
Kertas 2
Ogos/September
2010

2½ jam

1103/2



MAKTAB RENDAH SAINS MARA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawab bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d), dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **punca-punca pengangguran dalam kalangan siswazah** dan **kesan-kesan pengangguran tersebut**. Panjang rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.*

Pengangguran merupakan salah satu permasalahan sosioekonomi yang terus menghambat negara ini. Setiap tahun, beribu-ribu orang siswazah menamatkan pengajian di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dengan harapan menggugung untuk mendapatkan kerjaya yang setimpal; namun, tidak semuanya bernasib baik. Berdasarkan Statistik Perburuhan dan Sumber Manusia 2008, jumlah pendaftar baharu yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja ialah 174,355 orang iaitu seramai 40,356 orang (23.1 peratus) memiliki ijazah, manakala 35,832 orang (20.6 peratus) merupakan pemegang diploma.

Sikap terlalu memilih kerjaya menyebabkan peningkatan masalah pengangguran dalam kalangan siswazah. Hal ini menjadikan siswazah sanggup menunggu pekerjaan yang eksklusif dan bergaji tinggi. Keadaan ini bertambah buruk apabila siswazah mempunyai interpretasi terlalu tinggi terhadap prasarana kerja seperti kredibiliti syarikat, fleksibiliti waktu bekerja, jarak, infrastruktur dan sistem pengangkutan yang baik. Ada juga sesetengah siswazah yang tidak optimistik dalam memilih bidang kerjaya. Mereka beranggapan demikian kerana kurang yakin dengan kemampuan diri dan kelulusan yang dimilikinya.

Isu pengangguran dalam kalangan siswazah juga dikaitkan dengan sikap majikan yang sangsi terhadap kebolehan siswazah memandangkan mereka tidak mempunyai pengalaman bekerja. Sesetengah majikan melihat pengalaman lebih penting berbanding dengan taraf pendidikan. Majikan sanggup menawarkan kerja yang sepatutnya dilakukan oleh orang yang berpendidikan tinggi kepada orang yang tidak berpendidikan tinggi dengan alasan mengurangkan kos upah. Kebanyakan siswazah tidak mempunyai kemahiran berkomunikasi secara berkesan untuk membolehkan mereka bersaing dalam pasaran kerja yang semakin kompleks dan sengit. Siswazah IPT tempatan sekarang juga tidak mempunyai kekuatan penguasaan bahasa kedua seperti bahasa Inggeris, Mandarin dan sebagainya.

Siswazah baharu sukar diserap ke alam pekerjaan kerana tiada kekosongan jawatan. Hal ini disebabkan terdapat penjawat awam yang melanjutkan pelajaran demi meningkatkan mobiliti sosial. Di samping itu, IPT sering dipersalahkan oleh sesetengah pihak dan didakwa kurang menawarkan kursus yang dikehendaki oleh pasaran kerja. Maka, tidak hairanlah jika kebanyakan siswazah akhirnya mencuba nasib dalam bidang yang tidak sesuai dengan kelulusan dan kemahiran mereka. Mutakhir ini juga, pembangunan teknologi tinggi mula mengambil alih tugas manusia dalam sektor pengeluaran. Kemasukan pakar asing dari luar negara untuk bekerja di Malaysia memburukkan keadaan lagi.

Siswazah perlu *menilai potensi diri* sebelum berusaha mendapatkan sesuatu pekerjaan. Masalah pengangguran pasti dapat diatasi jika siswazah menguasai secara teori dan praktikal bidang yang diambil di universiti, melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran dan meningkatkan kualiti diri yang dapat menyakinkan panel temu duga untuk jawatan yang dipohon.

(Dipetik dan diubah suai daripada 'Dilema Pengangguran Siswazah'
Oleh V. Suresh Kumar, *Dewan Masyarakat*, Oktober 2009)

Soalan 2 : Pemahaman

Soalan 2 (a) - Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

(i) Berikan maksud rangkai kata *menilai potensi diri*. [2 markah]

(ii) Terdapat beberapa langkah yang perlu diambil oleh siswazah bagi mengatasi masalah pengangguran.

Berikan **tiga** daripada langkah tersebut. [3 markah]

(iii) Pada pandangan anda, apakah peranan pelbagai pihak untuk menangani masalah pengangguran siswazah?

Kemukakan **empat** peranan pelbagai pihak. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 2 (b) - Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

“Cikgu faham. Tetapi keputusan kamu mungkin bukan yang sebaik-baiknya. Kamu perlu melihat dari semua segi.”

“Perkara terbaik untuk saya ialah berada di sini. Di tempat ini, nenek moyang saya hidup dan bersemadi. Jiwa saya terikat pada pohon tualang. Pada bukit-bukit ini. Pada pohon-pohon ini. Menghidu keenakan udara jati tempat ini, satu kemestian. Memanjat pokok, mendaki gunung, menuruni lurah, memetik buah-buah hutan, memancing ikan, berjalan berkaki ayam. Inilah kehidupan bagi saya. Saya mendambakan kehidupan di hutan ini. Inilah Daneng, cikgu,” hujahnya.

Jo agak kagum dengan kepetahan tingkah ucapan anak didiknya itu. “Saya faham perasaanmu itu,” ucap Jo sambil memicit bahu kiri Daneng.

Otaknya ligat berputar mencari jalan untuk berbicara dengan seorang anak remaja yang mempunyai pendiriannya yang tersendiri. Pendirian yang diwarisi daripada nenek moyangnya. Keinginan yang mengalir dalam darahnya. Satu pendirian yang murni, mulia tetapi mungkin merugikan.

(Dipetik daripada
‘Lambaian Malar Hijau’,
oleh Saroja Theavy a/p Balakrishnan
dalam antologi *Anak Laut*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Nyatakan **dua** alasan Daneng menolak pujukan Cikgu Jo untuk meneruskan persekolahan. [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah yang akan terjadi kepada Daneng jika dia enggan menerima nasihat Cikgu Jo? [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** nilai yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** nilai yang terdapat dalam keseluruhan cerpen. [4 markah]

Soalan 2 (c) - Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Sebermula, maka tersebutlah perkataan Saidah datang meniarap di hadapan Jibor seraya menyembah kaki Jibor dengan tangisnya. Maka kata Jibor, “Mengapa maka *pekerti tuan hamba demikian ini?*”

Maka kata Saidah dengan tangisnya, “sebab pun hamba demikian ini daripada tiada hamba mahu memalingkan muka hamba daripada tuan hamba, yang niat hamba kepada Allah subhanahu wataala kepada siang dan malam hendak mati di bawah kadam tuan hamba juga. Daripada sangat belas hati hamba, maka hamba katakan rahsia ini kepada tuan hamba. Inilah hal saudara tuan hamba yang diharap itu, hamba dapati afalnya itu selama ia diam pada kita di sini. Maka hari pun malam sudah, maka pada ketika awal dinihari tuan hamba pun tatkala tidur tiada sedarkan diri, tatkala itu hamba sakit perut hendak qada hajat, maka hamba pun pergi pada tempat buang air seni itu. Setelah sudah hamba buang air seni, maka hamba pun keluar hendak kembali. Maka dipegang oleh Sabor tangan hamba. Maka hamba pun hendak berteriak, maka dihunusnya jambiahnya hendak menikam; daripada hamba takutkan mati, maka hamba pun diamlah. Maka hendak dicabulinya hamba, maka hamba pun tiada mahu pula, daripada hamba takut akan Allah Taala dan takut akan tuan hamba, malulah hamba, baiklah hamba mati dibunuhnya sekalipun, kabullah hamba, daripada derhaka akan tuan hamba.”

(Dipetik daripada ‘Sabor’ dalam antologi *Kerusi*,
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah maksud *pekerti tuan hamba demikian ini?* [2 markah]
- (ii) Nyatakan **tiga** aduan yang disampaikan oleh Saidah kepada Jibor. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan yang akan berlaku sekiranya perbuatan memfitnah berleluasa dalam masyarakat?
Berikan **tiga** kesan. [3 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 2 (d) – Petikan Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

JALAN-JALAN RAYA KOTAKU

Saban waktu sepanjang perjalanan
jalan-jalan raya kotaku
lewat senja begini
tika gerimis menabur benih
menerima kehadiran warga kota
lemas dalam kesabaran
lelah meresahkan
dengan luka parah di hati.

Ketidaksabaran membengkak
kesombongan merajai setiap ruang
Semakin padat dengan emosi
kebosanan menggigit pangkal rasa.

Demikian etika di perjalanan
budi luhur warga kotaku
tidak lagi berlaku
yang hadir adalah keserakahan
memacu menghimpun kekuatan
menghakis sopan santun
seperti banjir kilat
melanda pinggir perjalanan
fitrah sang manusia
peradaban kota masa kini.

Jalan-jalan raya kotaku
adalah gelanggang kebuasan
perlumbaan kebiadaban
para pesakit
kemanusiaan semakin mandul
pada penghujung musim.

Zam Ismail

Antologi *Anak laut*
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Apakah yang dimaksudkan oleh penyajak dalam **rangkap kedua** sajak di atas? [3 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, selain sikap pengguna apakah punca-punca lain berlakunya kesesakan jalan raya?
Nyatakan **tiga** punca tersebut. [3 markah]
- (iii) Berikan **tiga** persoalan yang terdapat dalam sajak tersebut. [3 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) **Bina dua** ayat bagi tiap-tiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan serta menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) medan
- (ii) mentah
- (iii) mendung

[6 markah]

(b) Nyatakan jenis-jenis kata kerja bagi setiap perkataan bergaris dalam ayat di bawah ini sama ada **kata kerja transitif, kata kerja tak transitif, kata kerja pasif, kata kerja majmuk, atau kata kerja berganda**. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Kakak bakal **dinikahkan** oleh ayah dengan seorang jejaka pilihan hatinya sendiri.
- (ii) Setiap hari Adibah akan **pulang** dari tempat kerja pada pukul 5.30 petang.
- (iii) Novel terbaharunya yang **berlatarbelakangkan** masyarakat desa mendapat sambutan hangat.
- (iv) Mereka masih **teringat-ingat** akan kisah lama ketika berada di sekolah rendah dahulu.
- (v) Peraturan baharu kepada penghuni-penghuni di asrama akan **berkuat kuasa** pada awal tahun ini.
- (vi) Pihak Arkib Negara sedang giat **membukukan** dokumen-dokumen lama untuk dijadikan bahan sejarah.

[6 markah]

- (c) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*
- (i) Data kajian tentang kualiti alam sekitar itu perlu saya catit sebelum laporan perincian dibuat.
 - (ii) Pegelangan tangan pencuri itu hampir putus kerana di tetak dengan parang oleh mangsanya ketika mempertahankan diri.
 - (iii) Pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik dan kokurikulum biasanya menyediakan jadual aktiviti harian yang seimbang.
- [6 markah]
- (d) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*
- (i) Adik asyik melihat rancangan kartun di televisyen menyebabkan tomato sos yang dituangnya tertumpah di atas lantai.
 - (ii) Kebanjiran pendatang-pendatang asing yang meningkat secara mengejut dari hari ke hari menjadi satu masalah kepada negara.
 - (iii) Kenderaan besar disaran agar tidak menggunakan lebuh raya di musim perayaan untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas daripada berlaku.
- [6 markah]
- (e) *Tuliskan ayat berdasarkan setiap peribahasa di bawah ini supaya jelas menunjukkan maksud dan penggunaannya.*
- (i) buah tangan
 - (ii) seperti pahat dengan penukul
 - (iii) kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya
- [6 markah]

[Lihat halaman sebelah

SULIT

Soalan 4: Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Terminal Tiga karya Othman Puteh
 - (ii) Perlumbaan Kedua karya Marwilis Hj. Yusuf
 - (iii) Di Hadapan Pulau karya A. Samad Said
 - (iv) Bukit Kepong karya Ismail Johari
 - (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
 - (vi) Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah
 - (vii) Julia karya Abu Hassan Morad
 - (viii) Putera Gunung Tahan karya Ishak Hj. Muhammad
- (a) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan **dua** peristiwa yang menimbulkan tanda tanya kepada pembaca.
[7 markah]
- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda kaji, huraikan **satu** peristiwa yang menunjukkan usaha watak-watak saling membantu dalam menyelesaikan masalah bagi setiap novel.
[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT